

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1994/95

Oktober/November 1994

YKA 104/NKM 014 - Sejarah dan Undang-Undang Media

Masa: [3 jam]

Jawab **TIGA** (3) soalan. Soalan 1 adalah diwajibkan.

1. Beri takrifan kepada 4 konsep berikut dengan disertakan contoh:
 - (a) ideologi
 - (b) superstruktur
 - (c) Alat-alat Penindasan Negara (Repressive State Apparatuses)
 - (d) restu
 - (e) fungsionalisme

(40 markah)
2. Bernama ditubuhkan untuk, di antara lain, menyiarkan maklumat secara menyeluruh dan adil tentang perkara-perkara yang mempunyai kepentingan awam dan nasional. Sejauh manakah objektif ini telah diikuti oleh pihak Bernama?

(30 markah)
3. Sejauh manakah 'Operasi Lallang' tahun 1987 memberi kesan terhadap perjalanan akhbar dan majalah khususnya dan media massa amnya?

(30 markah)

...2/-

4. Dasar Penswastaaan, mengikut hujah pemerintah, membantu mempergiatkan golongan peniaga Bumiputera dalam sektor swasta, amnya, dan industri media tempatan di Malaysia, khususnya Bincangkan.

(30 markah)

5. Apakah pandangan anda terhadap aktiviti dan peranan media dalam Pilihanraya Umum 1990 dan Krisis Perlembagaan 1993? Kaitkan perbincangan dengan konsep hegemoni.

(30 markah)

-oooOooo-